



**LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD**

(Kementerian Perlindungan & Komoditi)

Tingkat 13-17, Menara PGRM, No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras,
56100 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 603-9282 2235 (12 LINES) Faks: 603-9200 3769 / 9283 9792

E-mel: info@mtib.gov.my Laman web: www.mtib.gov.my

Rujukan kami: (15) dlm LPKM 3/303 Jld.28

Tarikh: 24 Ogos 2023

Kepada:

- 1. Syarikat Pengeksport dan Pengimport Kayu dan Keluaran Kayu**
- 2. Persatuan Kayu Kayan**

YBhg. Datuk / Dato'/Tuan/Puan,

**CAJ PERKHIDMATAN KE ATAS PEMROSESAN PERMOHONAN KELULUSAN
KHAS PENGIMPORAN DAN PENGEKSPORTAN KAYU DAN KELUARAN KAYU**

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa suatu ketetapan telah dibuat oleh Lembaga untuk mengenakan caj perkhidmatan ke atas setiap pemprosesan kelulusan khas pengimportan dan pengeksportan produk kayu.

3. Pengenaan caj perkhidmatan ini adalah selaras dengan kuasa Lembaga di bawah seksyen 20A Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 [Akta 105]. Sehubungan dengan ini, adalah dimaklumkan bahawa penguatkuasaan caj perkhidmatan ke atas pemprosesan kelulusan khas pengimportan dan pengeksportan produk kayu akan bermula pada **15 September 2023**. Kadar caj perkhidmatan kelulusan khas MTIB adalah seperti berikut:

- a) Institusi/Jabatan/Lembaga/Badan Berkanun/Agensi Kerajaan dengan Caj Perkhidmatan sebanyak RM100.00 per kelulusan; dan
- b) Pihak selain daripada Institusi/Jabatan/Lembaga//Badan Berkanun/Agensi Kerajaan atau syarikat swasta dikenakan Caj Perkhidmatan sebanyak RM400.00 per kelulusan.

4. Pertimbangan ke atas kelulusan khas pengimportan dan pengeksportan produk kayu yang dikeluarkan oleh MTIB adalah berdasarkan Terma Rujukan seperti di Lampiran. Permohonan yang tidak dipertimbangkan untuk kelulusan adalah tidak tertakluk kepada caj perkhidmatan ini.

PERKHIDMATAN BERKUALITI KEPUASAN PELANGGAN



5. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini boleh menghubungi Bahagian Pelesenan dan Inspektorat (Seksyen Pelesenen) MTIB di talian 03-92822235. Pegawai untuk dihubungi:

- i) Puan Sunita Muhamad (samb.1263) / sunita@mtib.gov.my
- ii) Puan Nurul Atiqah Shahrudin (samb. 1303) / atiqah@mtib.gov.my

Perhatian YBhg. Datuk / Dato'/Tuan/Puan ke atas perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



DR. MOHD NOR ZAMRI MAT AMIN

Ketua Pengarah

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Salinan kepada:

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK)
No. 15, Tingkat 6-13, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 PUTRAJAYA
(u.p.: Setiausaha Kanan Bahagian Kemajuan Kayu Kayan, Kenaf dan Tembakau)
2. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Operasi)
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
3. Pengarah MTIB
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
4. Ketua Pejabat MTIB Wilayah / Negeri
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

**TERMA RUJUKAN PERMOHONAN KELULUSAN KHAS
PENGIMPORAN DAN PENGEKSPORTAN KAYU DAN KELUARAN KAYU
DI BAWAH AKTA 105, LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)**

1. Keutamaan kepada pertimbangan adalah melibatkan keperluan dasar semasa dan hubungan dua hala di antara Kerajaan Malaysia atau Agensi-agensi Kerajaan atau Institusi-institusi Pendidikan atau Badan Berkaitan Kerajaan atau Pihak Berkuasa negara luar;
2. Kayu dan keluaran kayu yang digunakan atau diaplikasikan untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan produk (R&D) di institusi penyelidikan atau syarikat yang membuat percubaan atau penghasilan produk baru;
3. Kayu dan keluaran kayu adalah tidak berorientasikan transaksi komersial, seperti penyertaan dalam konvesyen dan pameran;
4. Transaksi melibatkan kuantiti kayu dan keluaran kayu dibenarkan adalah minima dan munasabah;
5. Transaksi pemulangan atau penghantar semula kongsinasi kayu dan keluaran kayu disebabkan isu kualiti, pindaan/pembatalan kontrak, yang boleh mengakibatkan kerugian atau kesan yang serius kepada syarikat;
6. Kelulusan khas yang melibatkan pengecualian pendaftaran syarikat dengan MTIB, adalah untuk kelulusan sekali sahaja. Syarikat dikehendaki berdaftar dengan MTIB jika transaksi berulang di masa akan datang;
7. Semua permohonan hendaklah dikemukakan bukti-bukti dokumentasi yang berwibawa seperti pengesahan penyertaan pameran atau penyelidikan, *Return of Goods Statement*, *Sales Contract*, *Local Contract*, *Telegraphic Transfer* dll yang berkaitan;
8. Syarat-syarat kelulusan khas bagi pengeksportan dan pengimportan kayu dan keluaran kayu yang telah ditetapkan oleh MTIB, adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan semasa MTIB dan perlu dipatuhi sepenuhnya;
9. Permohonan yang melibatkan larangan eksport atau import adalah tertakluk kepada penilaian diperingkat Mesyuarat Jawatankuasa Import & Eksport (MJIE) MTIB; dan
10. Dalam keadaan tertentu, Ketua Pengarah MTIB berhak menaribalik atau membatalkan kelulusan khas yang telah diberikan.